



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) DI ANTARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
(MBSP) DAN THINK CITY SDN. BHD.

TARIKH / MASA / TEMPAT

14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)
12.00 TENGAH HARI

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDAR RAYA MBSP
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Hamdan bin Abdul Majeed

Pengarah Urusan

Think City Sdn. Bhd.

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat tengah hari dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, saya lafazkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Think City Sdn. Bhd. dapat dilaksanakan pada tengah hari ini di Dewan Kenanga, Menara MBSP.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Pemangku Setiausaha Bandar Raya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, rakan-rakan media yang saya kasihi, dan seluruh warga kerja MBSP atas usaha dan sokongan yang tidak pernah berbelah bagi dalam menjayakan kesemua program dan aktiviti yang dilaksanakan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Think City Sdn. Bhd. yang dipimpin oleh Encik Hamdan bin Abdul Majeed, Pengarah urusan Think City Sdn. Bhd. kerana bertungkus lumus

mengadakan pelbagai program dan aktiviti bersama MBSP dalam usaha untuk meremajakan dan membangunkan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* yang lebih ceria dan *vibrant* di Seberang Perai. Ini merupakan satu jalinan kerjasama strategik yang menggunakan pendekatan *Smart Partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*).

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP telah pun mewujudkan hubungan dua hala dan berkolaborasi bersama pihak Think City Sdn. Bhd., yang merupakan anak syarikat Khazanah National Berhad selama lima (5) tahun menerusi Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani pada 8 Januari 2016. Kerjasama melalui MOU ini diwujudkan di bawah Program Butterworth Baharu, untuk meremajakan Bandar Butterworth serta memulihkan identiti bandar lama Butterworth dengan memelihara dan memulihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat, mesra dan teratur dengan menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti bagi orang awan di Butterworth.

Kerjasama strategik MBSP dengan Think City Sdn. Bhd. telah berjaya mewujudkan 22 kawasan awam (*public realm*), mengaktifkan 159 kawasan (*space activation*) dan mewujudkan 28 kawasan seni awam (*public art*). Di antara program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah:-

1. *Butterworth Fringe Festival* (BFF)

Butterworth Fringe Festival (BFF) adalah satu program dwi-tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan jalanan tempatan dan antarabangsa. Ianya bertujuan untuk merancakkan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF adalah program yang terbuka kepada orang ramai secara percuma.

2. *Pocket Park*

Beberapa projek fizikal telah dilaksanakan seperti **Pocket Park** Lebuh Benggali dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama pada tahun 2017 untuk membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth.

3. *Kolam Renang Pangsapuri Ria*

Kolam Renang Pangsapuri Ria di Lebuh Kampung Benggali telah dinaiktaraf dan telah dibuka untuk kegunaan orang awam. MBSP telah melantik pihak swasta bagi menjalankan pengurusan dan

penyelenggaraan premis berkenaan. Kos naik taraf sebanyak RM80,000.00 dibiayai oleh MBSP dan RM100,000.00 oleh Think City Sdn. Bhd.

4. *Butterworth Digital Library*

Pembangunan *Digital Library* dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa. Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berjumlah RM6.2juta. Khidmat Konsultant dibiayai oleh Think City Sdn. Bhd. berjumlah RM500,000.00 dan MBSP menyediakan bangunan berukuran 20,000 kaki per segi. *Digital Library* dirasmikan pada 8 Ogos 2020.

5. Lukisan Mural

Lukisan-lukisan mural adalah antara produk pelancongan yang dapat menarik minat penduduk setempat, pengunjung luar dan dalam negara. Sehubungan itu, MBSP telah melaksanakan lukisan mural di Kolam Renang Lebuh Kampung Benggali, *Giant Mural* di PPR Tun Dr Awang Butterworth dan di Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar.

6. Bazar MARA Bagan

Bazar MARA Bagan yang telah usang and ditinggalkan telah dinaiktaraf dan sekarang telah beroperasi dengan sepenuhnya dengan aktiviti perniagaan dan kedai makan. Kos pembangunan semula adalah RM2.5juta dan dibiayai oleh MARA dan Think City Sdn. Bhd.

Dengan pelaksanaan perancangan di bawah Program Butterworth Baharu dan usaha Think City Sdn. Bhd. dan MBSP dalam menaik taraf infrastruktur, mewujudkan ruang rekerasi dan hijau serta menonjolkan warisan budaya dan seni di Butterworth, sudah mula mengembangkan potensi dan menampakkan hasil dengan menggerakkan ekonomi di Butterworth.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai hari ini adalah untuk meneruskan hubungan dua hala di antara MBSP dan Anak Syarikat Khazanah National Berhad sebagai rakan strategik dalam merancang dan merealisasikan projek-projek sedia ada dan projek-projek serta program-

program yang bakal dilaksanakan di bawah Program Butterworth Baharu.

Enam (6) projek telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2022:-

- i. *Public Realm Urban Design Guidelines (UDG) for 20-minute City.*
- ii. Penglibatan komuniti dalam rekabentuk konsep pelan di Taman Pantai, Butterworth
- iii. Program-Program Sungai Perai
- iv. Naik taraf Pasar Awam Jalan Jeti Lama di mana kos ditanggung oleh MBSP. Bajet RM4juta telah disediakan dalam tahun 2022. Iklan akan mula dibuka dalam Disember 2021.
- v. *Expansion of Pocket Parks and Rain Garden*
- vi. *Expansion of Butterworth Art Walk*

Selaras dengan MOU yang bakal ditandatangani oleh MBSP dan Think City Sdn. Bhd. pada hari ini, satu lanjutan kerjasama dalam pelaksanaan Program Butterworth Baharu yang melibatkan Projek *Adopting 20-minute City* di Butterworth akan diadakan pada Januari 2022. Ianya adalah Projek *The Light Cendana* yang bakal dilaksanakan di Butterworth dan merupakan satu inisiatif lanjutan daripada Program *Art In The City* dengan kerjasama MBSP dan Think City Sdn. Bhd. dalam usaha menghidupkan bandar

dengan seni awam dan persembahan di lima (5) bandar terpilih di seluruh Malaysia iaitu Butterworth, Ipoh, Melaka, Batu Pahat dan Kuching.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kolaborasi di antara MBSP dan Think City Sdn. Bhd. dalam Projek *Penang Bay* melibatkan pembangunan *Water Front* Georgetown dan Butterworth dan akan mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk mencapai pembangunan sepenuhnya. *Penang Bay* adalah berkonsepkan pembangunan semula ekonomi pesisiran pantai dan *resilient township*. Pembangunan *Penang Bay* adalah untuk memajukan landskap kreatif tempatan di Georgetown dan Butterworth di sekitar *Penang Central* yang akan menjadi Pusat *Transit Oriented Development* (TOD).

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat ke arah termeterainya Memorandum Persefahaman pada pagi ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata saya ini, saya amat berharap yang permeteraian Memorandum Persefahaman ini akan merancakkan bidang-

bidang kerjasama yang sedia ada di antara MBSP dan Think City Sdn. Bhd. di samping menjana kerjasama yang memberi impak dan manfaat kesejahteraan hidup ke arah pembentukan Bandar Butterworth yang *liveable* dan *vibrant*.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.